## PENDAFTARAN - PERMOHONAN MAJLIS

Sistem Pendaftaran Pertubuhan Belia (eROY) boleh diakses melalui :- http://eroyv2.gov.my
Laman utama seperti di Gambarajah 1 akan dipaparkan.




Gambarajah 1 : Laman Utama Sistem eROY v2

Log masuk sistem menggunakan no.kad pengenalan pengguna berdaftar, kemudian skrin halaman Semakan Status Permohonan akan dipaparkan seperti Gambarajah 2.




Gambarajah 2 : Laman Semakan Status Permohonan

1. **PENDAFTARAN - PERMOHONAN MAJLIS**
   Pada skrin halaman Semakan Status Permohonan, klik pada menu 'Pendaftaran' dan pilih Permohonan Majlis seperti anak panah pada Gambarajah 3.




Gambarajah 3 : Menu Pendaftaran - Permohonan Majlis

Halaman Pendaftaran Majlis bagi Nama Pertubuhan akan dipaparkan seperti Gambarajah 4.




Gambarajah 4 : Halaman Permohonan Majlis - Nama Pertubuhan

Sila isi maklumat nama pertubuhan yang berkenaan seperti :-

- Pilih Peringkat Pertubuhan



- Pilih Kategori Pertubuhan




- Pilih Sub Kategori Pertubuhan




- Pilih Negeri




- Pilih Daerah




- Nama Pertubuhan




- Nama Ringkasan




Nama Pertubuhan akan dijana berdasarkan apa yang diisi oleh pengguna dan dipaparkan pada ruangan 'Nama Dicadangkan'. Ruangan yang bertanda * adalah wajib diisi oleh pengguna.

- Emel Pertubuhan



- Tambah No.Sijil Majlis




Sila tambah tiga (3) no.sijil majlis bagi peringkat pertubuhan Daerah atau Negeri dan enam (6) no.sijil majlis bagi peringkat pertubuhan Kebangsaan.




Klik butang Simpan sekiranya telah selesai mengisi maklumat yang diperlukan. Halaman Permohonan Majlis bagi Butir-Butir Pertubuhan akan dipaparkan seperti Gambarajah 5.




Gambarajah 5 : Halaman Permohonan Majlis - Butir-Butir Pertubuhan

Sila lengkapkan Alamat Tempat Urusan dan Alamat Surat-Menyurat bagi pertubuhan yang didaftarkan, klik pada kotak tanda ☐ sekiranya alamat surat-menyurat adalah sama seperti alamat tempat urusan. Klik butang Simpan sekiranya telah selesai mengisi maklumat yang diperlukan. Halaman Permohonan Majlis bagi Penubuhan Pertubuhan akan dipaparkan seperti Gambarajah 6.




Gambarajah 6 : Halaman Permohonan Majlis - Penubuhan Pertubuhan

Pada halaman ini pengguna diminta untuk mengisi butiran penubuhan pertubuhan seperti :

- Tarikh Penubuhan
  - Klik pada ikon untuk memilih tarikh daripada kalendar.




- Bil. Ahli Hadir Mesyuarat




  - Bilangan yang menghadiri mesyuarat penubuhan pertubuhan.
  - Bilangan kehadiran hendaklah 7 orang atau lebih.
- Bil. Terkini Ahli Pertubuhan




  - Bilangan terkini ahli dalam daftar keanggotaan semasa
  - Bilangan keanggotaan perlu sama atau lebih daripada bilangan yang menghadiri mesyuarat penubuhan.

- Pernah Berdaftar Sebelum Ini?
  - Pilih Ya, sekiranya pernah berdaftar sebelum ini di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007, kemudian masukkan nombor pendaftaran terdahulu.




  - Pilih Tidak, sekiranya tidak pernah berdaftar.




- Logo/Lambang/Bendera/Lencana
  - Pilih Ya, jika mempunyai logo/lambing/bendera/lencana, kemudian klik butang 'Browse..' untuk muat naik gambar.




  - Format fail yang dimuat naik adalah '.PNG / .JPG / .GIF ' sahaja.
  - Maksimum kapasiti ialah 2MB.
  - Maksimum saiz resolusi ialah 200pixels X 200pixels.
  - Pilih Tidak, sekiranya tiada logo/lambing/bendera/lencana.




Ruangan yang bertanda * adalah wajib diisi oleh pengguna. Klik butang 

sekiranya telah selesai mengisi maklumat yang diperlukan. Halaman Permohonan Majlis bagi Minit Mesyuarat akan dipaparkan seperti Gambarajah 7.




Gambarajah 7 : Halaman Permohonan Majlis - Minit Mesyuarat

Sila lengkapkan butiran minit mesyuarat seperti :

- Alamat Tempat Mesyuarat




  - Alamat dimana tempat mesyuarat penubuhan diadakan.

- Nama dan No.Telefon Pengerusi




  - Pengerusi ialah merujuk kepada Yang Dipertua/Presiden/Pengerusi

- No.Telefon Setiausaha




  - Nama Setiausaha akan memaparkan nama pengguna yang mengakses sistem tersebut.

Ruangan yang bertanda * adalah wajib diisi oleh pengguna. Klik butang Simpan sekiranya telah selesai mengisi maklumat yang diperlukan. Halaman Permohonan Majlis bagi Pemegang Jawatan akan dipaparkan seperti Gambarajah 8.




Gambarajah 8 : Halaman Permohonan Majlis - Pemegang Jawatan

Ahli jawatankuasa perlu diisi sekurang-kurangnya 7 orang ahli. Klik pada butang 

untuk mengisi/menambah ahli jawatankuasa. Skrin Semak Pemegang Jawatan akan dipaparkan seperti Gambarajah 9.




Gambarajah 9 : Halaman Permohonan Majlis - Semak Pemegang Jawatan

Sila isi no.kad pengenalan pemegang jawatan dan klik butang 

untuk menyemak rekod ahli jawatankuasa tersebut. Sekiranya rekod no.kad pengenalan tersebut telah wujud, sistem secara automatik akan memaparkan butiran seperti nama dan emel yang telah disimpan di dalam pangkalan data sebelum ini. Skrin Tambah Pemegang Jawatan akan dipaparkan selepas semakan dibuat seperti Gambarajah 10 di bawah. Sila isi maklumat yang diperlukan bagi pemegang jawatan tersebut selengkapnya.






Gambarajah 10 : Halaman Permohonan Majlis - Tambah Pemegang Jawatan

Ruangan yang bertanda * adalah wajib diisi oleh pengguna. Klik butang  sekiranya telah selesai mengisi maklumat yang diperlukan. Halaman Permohonan Majlis bagi Kewangan akan dipaparkan seperti Gambarajah 11.




Gambarajah 11 : Halaman Permohonan Majlis - Kewangan

Pada halaman ini, tidak diwajibkan bagi pertubuhan yang tidak mempunyai maklumat kewangan. Pengguna boleh teruskan ke halaman berikutnya dengan menekan butang 

. Sekiranya ada, sila isi maklumat yang diperlukan selengkapnya dan klik butang 

sekiranya telah selesai mengisi maklumat yang diperlukan. Halaman Permohonan Majlis bagi Perlembagaan akan dipaparkan seperti Gambarajah 12.




Gambarajah 12 : Halaman Permohonan Majlis - Perlembagaan

Pada halaman ini, skrin akan memaparkan fasal-fasal perlembagaan asal bagi sesebuah pertubuhan.




Pengguna hanya perlu klik pada butang :-

untuk memaparkan sub-fasal

untuk menambah fasal atau sub-fasal di atas

untuk menambah fasal atau sub-fasal di bawah

untuk mengemaskini sub-fasal tersebut

untuk memadamkan sub-fasal tersebut

Klik pada butang Papar sekiranya pengguna perlukan ianya dipaparkan di dalam bentuk PDF dan mencetak. Klik butang Simpan sekiranya telah selesai mengemaskini maklumat perlembagaan. Halaman Permohonan Majlis bagi Perakuan akan dipaparkan seperti Gambarajah 13.




Gambarajah 13 : Halaman Permohonan Majlis - Perakuan

Pada halaman ini, pengguna perlu memperakui dengan menekan kotak tanda ☐ dan klik butang Simpan . Halaman Permohonan Majlis bagi Pembayaran akan dipaparkan seperti Gambarajah 14.




Gambarajah 14 : Halaman Permohonan Majlis - Pembayaran

Pada halaman ini, pengguna perlu membuat pembayaran dengan memilih bentuk bayaran dan memasukkan no.wang pos / bank draf, kemudian klik butang BAYAR . Halaman Permohonan Majlis bagi Pengesahan akan dipaparkan seperti Gambarajah 15.




Gambarajah 15 : Halaman Permohonan Majlis - Pengesahan

Akhir sekali, pengguna diminta untuk klik pada kotak tanda ☐ untuk mengesahkan maklumat yang digunakan untuk memohon pertubuhan dan klik pada butang Hantar Permohonan. Halaman Semakan Status Permohonan bagi pertubuhan tersebut akan dipaparkan dengan status Dalam Semakan seperti Gambarajah 16.



Semakan Status Permohonan

| No. | Nama Pertubuhan | Permohonan | Mohon | Status | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | MAJLIS BELIA CEMERLANG DAERAH PUTRAJAYA (MBCP) | MAJLIS | 05-09-2016 | DALAM SEMAKAN | |

Gambarajah 16 : Halaman Semakan Status Permohonan